



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (RETAIL DIGITALISATION INITIATIVE - ReDI) 6 HOURS CHALLENGE RAKYAT DIGITAL SIRI 1 : PERINGKAT AKHIR PULAU LANGKAWI, KEDAH

**LANGKAWI, 4 NOVEMBER 2023** - Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup hari ini telah melepaskan (*flag off*) peserta-peserta **Program Retail Digitalisation Initiative - ReDI 6 Hours Challenge Rakyat Digital** yang diadakan di ruang legar PARKROYAL Langkawi Resort, Pulau Langkawi, Kedah.

2. Program ini adalah merupakan kesinambungan kepada siri program-program ReDI yang terdahulu yang dilaksanakan sejak tahun 2021 bertujuan untuk **menggalakkan digitalisasi di kalangan peniaga dan pengguna** di Malaysia.

3. Program ini juga adalah selari dengan inisiatif di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) yang bertujuan untuk mewujudkan masyarakat digital yang inklusif dan berdaya saing.

4. Bagi tempoh Januari sehingga 30 September 2023, **Program ReDI** telah berjaya mendaftarkan (*onboarding*) sejumlah **4,898 peniaga** di bawah kaedah pembayaran elektronik (*e-wallet*). Manakala sejak program ini bermula pada tahun 2021, program ini telah berjaya mendaftarkan sejumlah **13,377 peniaga** di seluruh negara.

5. Peningkatan jumlah penyertaan ini memberikan gambaran yang positif bahawa rakyat Malaysia telah bersedia untuk menerima perubahan daripada kaedah pembayaran tradisional kepada kaedah pembayaran elektronik yang terbukti lebih efisien dan sistematik.

6. Berbeza dengan program-program yang dilaksanakan sebelum ini, **Program ReDI 6 Hours Challenge** pada kali ini dibawakan dalam format baharu yang lebih santai dan menyeronokkan namun mampu memberikan **hasil yang lebih signifikan dalam tempoh masa yang lebih singkat**.

7. Dalam cabaran ini, peserta dikehendaki untuk melaksanakan **aktiviti advokasi dan promosi mengenai kaedah pembayaran elektronik kepada peniaga dalam tempoh 6 jam** dan kumpulan dengan penyertaan perniagaan dalam kaedah pembayaran elektronik yang paling tinggi akan dinobatkan sebagai juara.

8. **Program ReDI 6 Hours Challenge Rakyat Digital Siri Pertama : Peringkat Awal** telah dilaksanakan di WP Labuan pada 22-23 September 2023 yang lalu dan di Pulau Langkawi pada kali ini adalah merupakan **cabaran peringkat akhir** yang melibatkan penyertaan dari 16 kumpulan yang mewakili pejabat KPND negeri di seluruh negara.

9. **Program ReDI** tidak akan terhenti di sini sahaja. Jenama **ReDI** akan terus dikembangkan dengan lebih meluas pada tahun 2024 dengan pelaksanaan lebih banyak inisiatif baru seperti program **ReDI Plus dan ReDI Referral** yang akan memberi manfaat kepada lebih ramai kumpulan sasar di luar sana.

10. Kementerian berharap, sinergi strategik **Program ReDI** dengan pemain-pemain industri peruncitan akan terus diperkukuhkan dalam inisiatif-inisiatif lain yang akan datang seperti **Inisiatif Pasar RAHMAH dan Gaya Hidup RAHMAH** yang akan diperkenalkan pada tahun 2024.

11. Kementerian merakamkan **setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat** termasuk Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Lembaga Pembangunan Langkawi, Pejabat Bank Negara Malaysia Pulau Pinang, operator sistem pembayaran – Payments Network Malaysia Sdn Bhd (Paynet) dan penyedia e-Wallet terpilih di atas kerjasama serta komitmen yang mampan sepanjang menjayakan program ini.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BT SALLEH,  
TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
PULAU LANGKAWI, KEDAH, 4 NOVEMBER 2023.**

**###**

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampun sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

